



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA**  
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 Disember 2021**  
**5 Jamadilawal 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rumah solar ikan masin tingkat hasil</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pesta tangkap ikan liar meriah di Jerantut</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31   10/12/2021

UTUSAN MALAYSIA  
JUMAAT • 10 DISEMBER 2021

31

## Dalam Negeri

# Rumah solar ikan masin tingkat hasil

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA  
utusannews@mediamalaysia.com.my

**ALOR GAJAH:** Nasib sebuah keluarga nelayan di Kampung Ramuan China Besar, di sini berubah selepas menggunakan teknologi rumah solar untuk perniagaan ikan masin yang diusahakan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Mohd. Nor Ibrahim, 65, berkata, sejak menggunakan rumah solar tersebut enam bulan lalu, pendapatannya meningkat tiga kali ganda mencapai RM3,000 sebulan.

Katanya, kini nasib keluarganya berubah, malah, mampu menampung sepenuhnya pendidikan dua anaknya yang melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

"Dulu, pendapatan jualan hanya sekitar RM1,000 sebulan, namun, selepas memakai rumah solar ini, memang pendapatan meningkat kerana ikan-ikan lebih cepat kering dan kebersihannya terjamin."

"Kini, saya boleh memasarkan minimum 50 bungkus ikan masin dengan pendapatan seharian mencapai RM125 seharian atau perbah mancerek hampir RM4,000 sebulan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai rumah solar tersebut, Mohd. Nor memberitahu, bantuan itu diberikan oleh Jabatan Perikanan negeri kepada dua nelayan di kawasan tersebut.

"Saya sebenarnya tidak sangka menjadi salah seorang penerima rumah solar ini yang diberikan melalui geran khas bernilai RM62,000.

"Selain rumah ini, saya turut diberikan peti sejuk bekalan, mesin pembungkusan plastik dan bekas khas digunakan bagi menyimpan ikan."

"Rumah solar ini suhu diajamnya sentiasa panas, kalau cuaca di luar lembap, perantinya akan menyedut kelembapan itu untuk memastikan suhu dalam keadaan terkawal," katanya.

Jelasnya, ikan masin tersebut mengambil masa sekitar dua hari untuk kering sepenuhnya, namun, sekiranya cuaca hujan berterusan pada musim tengkujuh, hasil jualan akan kering dalam masa empat hari.

Ujarnya, antara ikan masin yang dihasilkan adalah kurau, bulu ayam, pari dan gelama yang dijual mengikut permintaan pelanggan.



MOHD. NOR Ibrahim memeriksa ikan masin yang dijemur menggunakan teknologi rumah solar di Kampung Ramuan China Besar, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI <i>Sabah Media</i>			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		14	10/12/2021

## Pesta tangkap ikan liar meriah di Jerantut

**JERANTUT** — Permulaan musim tengkujuh yang menyaksikan air Sungai Tembeling dan Sungai Sepia di sini mula naik memberi rahmat kepada penduduk di sekitar Hulu Tembeling yang berpesta menangkap ikan di sungai itu.

Air sungai yang mula naik dan arus deras menyebabkan ikan liar dari kawasan hulu akan turut 'dihanyutkan' dan ikan-ikan juga 'lari' ke hilir sungai mengikut aliran berkenaan.

Fenomena ini menyaksikan penduduk berhampiran mengambil kesempatan turun ke sungai untuk menjala atau menjaring ikan pelbagai jenis seperti ikan batang hulu, ikan bada, ikan lawan, ikan belais, ikan belida dan ikan toman.

Ketua Kampung Bantal, Hamdan Ali berkata, inilah waktu penduduk termasuk di Kampung Mat Daling, Kampung Gusai dan Kampung Kuala Sat akan turun ke Sungai Tembeling untuk menangkap ikan.

"Bagaikan satu pesta apabila ramai lelaki yang menjala ikan atau menahan jaring, manakala wanita atau isteri pula menunggu untuk menyiang ikan yang ditangkap," katanya di sini semalam.



**PENDUDUK** mengeluarkan ikan di dalam Jaring di Kampung Bantal, Jerantut semalam.

Seorang penduduk Kampung Kuala Sat, Zulkifli Jamaldin, 56, berkata, aktiviti tersebut sudah menjadi warisan orang-orang tua sejak dahulu.

"Mereka tahu ketika permulaan musim tengkujuh, banyak ikan liar akan keluar dari habitat dan menghilir ikut arus sungai," katanya.